

Seksyen II



MERENCANA HALA TUJU BAGI PEMBANGUNAN PKS

Bab 3: Strategi Pembangunan PKS

Strategi Pembangunan PKS

BAB 3

- | | |
|--|----|
| 1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) | 39 |
| 2. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) | 40 |



PKS membentuk lebih daripada 99% daripada jumlah perusahaan perniagaan di Malaysia. Oleh itu, penggalakan sektor PKS yang berdaya maju adalah penting dan strategik dalam usaha negara ke arah memperluas sumber pertumbuhan dan mengekalkan momentumnya.

PKS merangsang pemilikan persendirian dan kemahiran keusahawanan; menyediakan sumber pertumbuhan yang meluas selain bertindak sebagai inkubator untuk membangunkan perusahaan tempatan menjadi syarikat besar. Namun, sumbangan PKS kepada ekonomi negara secara relatifnya masih kecil. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah menjadikan pembangunan PKS bidang keutamaan yang tinggi. Ini terkandung dalam agenda pembangunan negara, iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (Third Industrial Master Plan, IMP3) yang menggariskan strategi utama pembangunan PKS, masing-masing bagi tempoh tahun 2006 - 2010 dan tahun 2006 - 2015.

Sumbangan PKS kepada Ekonomi




Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 (Banci) mendapati bahawa sebahagian besar pertubuhan perniagaan (99.2%) ialah PKS, dengan kira-kira 80% ialah perusahaan mikro. Hasil Banci turut menunjukkan PKS merupakan sumber guna tenaga yang utama, dengan menyediakan pekerjaan kepada lebih 5.6 juta orang dan mencakupi 56% daripada jumlah guna tenaga. Namun, sumbangan PKS kepada ekonomi negara masih lagi rendah - PKS hanya menyumbang 32% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan 19% daripada jumlah nilai eksport.

Prestasi Makro PKS	2003 (%)	2005* (%)
Sumbangan PKS kepada KDNK	31.9	32.0
Sumbangan PKS kepada guna tenaga (tidak termasuk Kerajaan)	55.8	56.4
Bahagian PKS daripada jumlah eksport	18.9	19.0

**Data tahun 2005 dianggarkan berdasarkan profil Banci 2005 dan data berkaitan yang lain*

Tahap produktiviti PKS juga didapati jauh lebih rendah berbanding dengan perusahaan besar. PKS menjana nilai ditambah purata bagi setiap pekerja sebanyak RM14,740 sahaja, jauh lebih rendah daripada jumlah sebanyak RM47,830 yang dijana oleh perusahaan besar.

Sumbangan PKS kepada Ekonomi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Melalui langkah mengutamakan pembangunan PKS, Kerajaan berhasrat menambah sumbangan PKS kepada KDNK daripada 32% kepada 37% dan meningkatkan sumbangannya kepada jumlah eksport daripada 19% kepada 22% menjelang tahun 2010.

1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9)

Dalam tempoh RMK9, dasar PKS yang utama ialah pembangunan sektor PKS yang dapat bersaing, inovatif dan kukuh dari segi teknologi agar dapat menyumbang kepada ekonomi domestik dan bersaing dalam pasaran global. Strategi yang bakal dilaksanakan akan menjurus pada pemerolehan teknologi untuk menggerakkan PKS menaiki rantaian nilai dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Strategi ini termasuk:

- **Penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga (Outsourcing)**

Program akan dilaksanakan untuk memupuk PKS sebagai rakan Penyelidikan dan Pembangunan (research and development, R&D). Usaha niaga bersama antara syarikat multinasional (multinational corporation, MNC), syarikat berkaitan kerajaan (Government-linked companies, GLC) dan PKS akan memudahkan pemindahan teknologi dan pembangunan kemahiran dan pemasaran;

- **Hubungan antara syarikat**

Pewujudan hubungan perniagaan antara PKS, GLC dan MNC akan membolehkan PKS menjadi lebih bersaing dan menjadi pembekal yang boleh dipercayai bagi rangkaian penggunaan perkhidmatan pihak ketiga global, yang seterusnya akan memperluas perdagangan Malaysia dengan pasaran eksport baharu;

- **Program keusahawanan**

Program yang merangkumi khidmat nasihat dan jangkauan (outreach) akan diperluas untuk melengkapi PKS dengan amalan pengurusan dan perniagaan, kaedah pengeluaran, pembaikan mutu, pemasaran dan pengedaran yang baharu dan lebih baik; dan

- **Kemahiran pengetahuan**

Peningkatan kemahiran teknikal seterusnya dalam kalangan PKS, khususnya dalam menjana inovasi dan mencipta nilai ekonomi daripada penerapan pengetahuan.

*PKS merangsang
pemilikan persendirian
dan kemahiran
keusahawanan,
menyediakan sumber
pertumbuhan yang
meluas selain bertindak
sebagai inkubator untuk
membangunkan
perusahaan tempatan
menjadi syarikat
multinasional yang besar*

2. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3)

IMP3 turut memberikan keutamaan terhadap pembangunan PKS tempatan. Rangka tindakan 15 tahun ini yang diterbitkan bersama-sama dengan RMK9 membentangkan lima strategi yang jelas untuk menyokong pembangunan PKS yang pelbagai dan bersaing. Kelima-lima strategi itu adalah:

i. Kelebihan Bersaingan - Integrasi dan Rasionalisasi

PKS digalakkan berintegrasi dengan MNC, dengan mengambil kesempatan daripada trend penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dalam kalangan syarikat besar khususnya dalam aktiviti nilai ditambah tinggi untuk meningkatkan kelebihan bersaing mereka. PKS perlu bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai melalui rasionalisasi dan pengkhususan dengan memberikan tumpuan terhadap pembinaan dan peningkatan kecekapan utama mereka, untuk bersaing di peringkat serantau dan global.

Pengkhususan pula membolehkan PKS memanfaatkan kemahiran dan pengalaman mereka untuk mencipta kebitaraan (*niche*) pasaran, di dalam dan luar negeri. Struktur pasaran dan keperluan pelanggan perlu difahami sepenuhnya oleh PKS agar mereka lebih fleksibel dalam menyesuaikan diri terhadap tuntutan dan trend yang berubah-ubah.

Usaha kini sedang dilaksanakan untuk membantu PKS dalam aspek ini dengan menempatkan pekerja PKS di MNC dan memberikan bantuan kewangan untuk memperoleh teknologi terkini. Teknologi sedemikian termasuk “teknologi penyambung” yang menggabungkan beberapa teknologi, dan dapat membantu PKS menaik taraf operasi mereka dengan menyediakan rangkaian produk atau perkhidmatan yang lebih luas.

Trend peningkatan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dalam kalangan MNC memberikan peluang yang baik bagi PKS untuk menyertai pasaran global. Bagi menggalakkan lagi penyertaan PKS dalam pasaran global, Kerajaan akan memperhebat dan memperkukuh hubungan antara syarikat dengan MNC, dengan itu membolehkan PKS menjadi pembekal yang boleh dipercayai dan bersaing. Pada masa ini, Program Rangkaian Perindustrian (Industrial Linkage Programme, ILP) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry, MITI) terhad pada fasa pengeluaran dalam sektor perkilangan. Oleh itu, program ini akan diperluas untuk merangkumi keseluruhan rantai nilai sektor perkilangan dan perkhidmatan.



Penerapan amalan perniagaan terbaik dan penandaarasan adalah penting untuk apa jua perniagaan dalam usaha berterusan untuk mengekalkan daya saing. Bagi tujuan ini, program penandaarasan yang disediakan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (National Productivity Corporation, NPC) dipromosikan melalui persatuan industri dan dewan perniagaan. Pangkalan Data Rangkaian Dalam Talian Penandaarasan (Benchmarking On-line Networking Database, BOND) ialah pangkalan data amalan terbaik dan ukuran prestasi yang diwujudkan NPC untuk membantu organisasi melaksanakan aktiviti penandaarasan.

(Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari www.npc.org.my)

Perkhidmatan Perkongsian dan Penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga

Bagi membantu merealisasikan potensi Malaysia, Kerajaan akan melaksanakan promosi antarabangsa untuk menjenamakan Malaysia sebagai hab global utama bagi perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (shared services and outsourcing, SSO) serta meningkatkan kesedaran tentang daya saing Malaysia. Insentif akan turut diberikan kepada MNC di Malaysia, misalnya pengecualian cukai terhadap perolehan daripada SSO. Ini lantaran peranan MNC yang berpotensi menjadi asas pelanggan yang penting bagi penyedia perkhidmatan pihak ketiga tempatan untuk membangunkan kecekapan bertaraf dunia dan operasi skala besar.

ii. Mengorak Langkah ke Luar Negeri - Berkemahiran dan Bersedia dalam Arena Global

Pasaran kini semakin liberal dan oleh itu PKS tidak boleh lagi bergantung pada permintaan dalam negeri. Pasaran yang lebih besar menyediakan peluang baharu dan peluang eksport yang lebih besar bagi PKS yang berkebolehan. Institusi kewangan digesa menyokong perniagaan tempatan, termasuk PKS, dalam usaha niaga mereka di luar negeri. Langkah ini sejajar dengan usaha pelbagai Kementerian dan Agensi, seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, MDTCA), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Small and Medium Industries Development Corporation, SMIDEC), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysian External Trade Development Corporation, MATRADE) dan Multimedia Development Corporation (MDeC), yang akan memulakan kerjasama dua hala yang lebih erat dengan rakan asing serta menggalakkan hubungan industri, dan suruhanjaya perdagangan dan pameran bersama untuk memudahkan hubungan antara PKS tempatan dengan PKS asing. Pada tahun 2006, hampir 1000 PKS telah mendapat manfaat daripada program pepadanan dan pengembangan perniagaan seperti ILP.

Pasaran kini semakin liberal dan oleh itu PKS tidak boleh lagi bergantung pada permintaan dalam negeri. Pasaran yang lebih besar menyediakan peluang baharu dan peluang eksport yang lebih besar bagi PKS yang berkebolehan

Bagi menembusi pasaran luar negeri dengan jayanya, PKS juga perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dan pemasaran. Program yang sedang berjalan yang dirumus untuk meningkatkan keupayaan keusahawanan telah diperluas untuk meliputi kemahiran berunding, berdagang, menentukan harga, membina jenama dan memahami gelagat pengguna. Bagi terus membantu PKS dalam bidang ini, sebuah portal interaktif, iaitu Pertukaran Maklumat MITI dan Agensi Perdagangan dan Industri (MITI and Agencies Trade and Industry Information Exchange, MATRIIX) telah dibangunkan untuk menyediakan maklumat pasaran seperti kecenderungan pengguna, piawai dan peraturan antarabangsa serta keperluan alam sekitar. Rancangan kini sedang dibuat untuk memperkenalkan maklumat pasaran masa nyata daripada Agensi lain.

Pematuhan PKS terhadap piawai dan peraturan antarabangsa adalah penting untuk PKS berkembang dengan jaya ke luar negeri. Bagi memastikan kejayaan ini dapat dicapai, SMIDEC akan bekerjasama dengan badan pengawalseliaan yang berkenaan untuk membantu PKS mematuhi piawai dan peraturan antarabangsa. Langkah ini amat relevan bagi kejayaan dalam bidang Halal, iaitu bidang pertumbuhan yang baharu dan merangsang, yang diberi penekanan dalam RMK9.

Perniagaan makanan Halal global kini bernilai RM2 trilion dan dijangka mencapai tahap RM6 trilion menjelang tahun 2010. Prospek ini telah merangsang langkah Malaysia untuk menjadi Hab Halal menjelang tahun 2007, dengan itu menyediakan bidang yang sesuai bagi pengembangan perniagaan di luar negeri. Halal Industry Development Corporation (HDC) telah ditubuhkan pada tahun 2006 untuk mempercepat proses ini. Dengan peruntukan sebanyak RM100 juta, HDC akan menyelia pembangunan industri Halal. Pakej insentif untuk membangunkan Hab Halal telah ditambah, dengan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada SME Bank untuk membantu usahawan menghasilkan produk Halal.

(Sila rujuk Bab 8 untuk maklumat terperinci tentang Hab Halal)

iii. ICT - Kawan Bukan Lawan

Sejajar dengan trend global, pertumbuhan dalam kalangan PKS tempatan pastinya didorong oleh teknologi dan inovasi. Kemunculan teknologi dan produk baharu telah mempengaruhi cara perniagaan dikendalikan. Oleh itu, keutamaan yang tinggi diberikan terhadap pengukuhan keupayaan teknologi PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM12.9 bilion untuk teknologi komunikasi dan maklumat (Information and Communication Technology, ICT) di bawah RMK9. Agensi Kerajaan seperti Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), MDeC, SMIDEC dan Malaysian Biotech Corporation (MBC) akan bekerjasama untuk memperkenalkan program penghematan teknologi masa depan bagi membolehkan PKS memanfaatkan teknologi yang ada.

Bagi menggalakkan lagi R&D, usaha niaga secara kerjasama akan digalakkan antara MNC, GLC dan PKS untuk memudahkan pemindahan teknologi dan perkembangan kemahiran serta pemasaran. Bagi menyokong lagi usaha ini, kerjasama yang lebih rapat dengan institusi Kerajaan dan universiti akan digalakkan melalui Program Kelompok Perkembangan Teknologi yang diwujudkan pada tahun 2006, untuk membantu PKS mengkomersialkan hasil R&D yang mempunyai potensi untuk berdaya maju.

Pembangunan usahawan tekno akan dikembangkan untuk menyokong PKS berasaskan sains dan teknologi, khususnya PKS Bumiputera, agar dapat meraih manfaat daripada teknologi yang direka cipta sendiri. Langkah yang perlu diambil termasuk menyediakan infrastruktur yang sesuai, pemindahan teknologi dan akses kepada pembiayaan yang lebih baik.

Pada asasnya, untuk membolehkan sebarang perniagaan berkembang maju, persekitaran yang sesuai berserta rangka kerja pengawalseliaan dan keinstitusian yang menyokong perlu diwujudkan. Bagi mencapai matlamat ini, Titik Tumpuan PKS Kebangsaan yang dipacu industri, yang membabitkan usahawan, institut penyelidikan, pembiayaan, syarikat modal usaha niaga dan agensi Kerajaan yang berkaitan, akan ditubuhkan untuk pertukaran maklumat termasuk maklumat mengenai trend pasaran dan teknologi baharu. Tahun 2006 turut menyaksikan pelancaran portal SMEinfo yang menyediakan maklumat tentang semua aspek pembangunan PKS termasuk pembiayaan, latihan dan sokongan.

(Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari www.smeinfo.com.my)

iv. Rangka kerja yang Padu dan Menyokong - Menggalakkan Potensi Mencapai Kecemerlangan

Bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, pendekatan yang teratur dan terselaras perlu diambil. Pendekatan yang selaras ini perlu dilaksanakan seiring dengan program sokongan pembiayaan untuk:

- Membantu bakal usahawan menaik taraf kemahiran teknikal dan profesional;
- Membantu pembelian jentera dan kelengkapan baharu;
- Menyediakan tapak perindustrian dan taman khas pada harga yang bersaing;
- Menyediakan bantuan untuk mendaftar dan memperoleh paten bagi harta intelek; dan
- Mengurangkan kerenah birokrasi untuk mempercepat pemprosesan.

Sokongan yang lebih jitu akan ditawarkan melalui penyelarasan antara agensi yang lebih cekap untuk menggembelng sumber dan menghasilkan sinergi untuk pembangunan PKS secara keseluruhan.

v. Memupuk Sektor Perkhidmatan - Ke Arah Bidang Pertumbuhan Baharu

Berdasarkan Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005, sebanyak 86.5% daripada PKS adalah dalam sektor perkhidmatan. Bagi meraih manfaat daripada sektor yang pesat berkembang ini, beberapa bidang pertumbuhan telah ditekankan dalam kategori ini termasuk:

- Perdagangan pengedaran - menambah produk dan perkhidmatan baharu untuk pemfrancaisan;
- Perkhidmatan perniagaan dan profesional - menggalakkan usahawan dalam kemahiran pakar seperti farmasi dan klinik pergigian;
- Perkhidmatan logistik - menambah penyertaan PKS dalam rantai pembekalan logistik berintegrasi;
- Pembinaan dan perkhidmatan berkaitan - PKS akan digalakkan menjalinkan hubungan dengan syarikat pembinaan yang besar untuk membentuk asas subkontrak tempatan yang kukuh bagi mendapat kontrak di dalam dan luar negeri; dan
- Teknologi maklumat dan komunikasi - memupuk dan merangsang pertumbuhan lebih banyak usahawan tekno dan PKS ICT dengan menyediakan pembiayaan benih dan modal permulaan.

Melalui pertambahan peruntukan sumber seperti yang digariskan dalam RMK9 dan IMP3, Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pembangunan PKS yang cekap dan bersaing; komitmen yang semakin penting dalam Malaysia mengorak langkah menuju ke arah merealisasikan matlamatnya untuk menjadi negara maju.

Prestasi Produktiviti PKS Dalam Sektor Perkilangan



Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor perkilangan terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 2006 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 7.4% dalam nilai ditambah menjadi RM17.8 bilion. Pada masa yang sama output meningkat daripada RM82.0 bilion kepada RM88.3 bilion atau 7.7% manakala pekerjaan bertambah daripada 394,670 kepada 402,496 atau sebanyak 2.0%.

Jumlah Output, Nilai Ditambah dan Pekerjaan PKS (2006)

	Tahap Nilai*		Peratusan Bahagian Sektor Perkilangan (%)		Pertumbuhan (%)
	2005	2006	2005	2006	2006
Jumlah Output	81,990	88,266	29.6	29.8	7.7
Nilai Ditambah	16,576	17,798	25.9	26.0	7.4
Pekerjaan	394,670	402,496	31.3	31.3	2.0


* Tahap Nilai bagi Jumlah Output dan Nilai Ditambah adalah dalam RM Juta

Sumber: Dikira oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) daripada Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan Jabatan Perangkaan, Malaysia, pelbagai keluaran



PKS membentuk 96.5 peratus, atau 39,436, daripada semua perusahaan dalam sektor perkilangan. Kebanyakannya menceburi subsektor makanan dan minuman (32.5%), disusuli oleh kimia dan produk kimia (15.6%), getah dan produk plastik (10.3%) dan produk logam pasang siap (6.6%). Industri ini menyumbang 79.0% daripada jumlah output PKS, 29.8% daripada jumlah output perkilangan, 26.0% daripada jumlah nilai ditambah dan 31.3% daripada jumlah pekerjaan perkilangan.

Pengagihan PKS dalam Sektor Perkilangan (2006)




Sumber: Dikira oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) daripada Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan, Malaysia, pelbagai keluaran

Pertambahan yang berterusan dalam pelaburan aset tetap, yang meningkat secara tetap sebanyak 2.7% kepada RM37,000, menunjukkan bahawa PKS makin intensif modal. Pelaburan dalam aset tetap telah membolehkan PKS mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi yakni 2.5% dalam produktiviti modal. Tambahan lagi, pelaburan yang besar dalam infrastruktur, jentera baru seperti mesin dan alat kepersisan, kejuruteraan dan automasi proses dan produk, telah meningkatkan kapasiti PKS untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pasaran global. Syarikat yang berjaya menguruskan jentera sedia ada dengan cekap telah merekodkan produktiviti modal yang lebih tinggi dan ini menunjukkan bahawa PKS cekap menggunakan sumber untuk mewujudkan nilai.

Meksipun sumbangannya kepada output dan nilai ditambah adalah ketara, subsektor produk berasaskan kayu dan perabot masih kurang menggunakan modal, berikutan sifat industri yang intensif buruh. Begitu juga dengan subsektor tekstil dan pakaian.

Keamatan Modal dalam PKS Mengikut Subsektor Perkilangan (2006)




Sumber: Dikira oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) daripada Kaji Selidik Tahunan Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai keluaran



Sepanjang tempoh empat tahun, PKS terus mengekalkan kos buruh yang bersaing dengan pembaikan lanjut pada tahun 2006. Ini dicerminkan oleh pengurangan sebanyak 3.8% dalam unit kos buruh. Sektor yang merekodkan pembaikan dalam kos buruh termasuklah industri makanan dan minuman, petroleum, kimia dan industri berasaskan logam. Inisiatif untuk meningkatkan kecekapan penggunaan, pelaburan yang makin tinggi dalam infrastruktur dan jentera dan peningkatan penggunaan kapasiti telah membantu PKS memperbaiki produktiviti dan kebersaingannya.

Daya Saing Kos Pekerja PKS



Kaji Selidik Tahunan Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Melangkah ke hadapan, produktiviti PKS dijangka bertambah sehingga melebihi 5.5%. Untuk mencapai sasaran ini, PKS perlu memperbaiki beberapa faktor termasuk:

- Menambah kecekapan pengendalian dan kos;
- Gerak balas yang lebih pantas terhadap cabaran baru dalam persekitaran perniagaan yang makin berubah, di dalam serta di luar negeri;
- Menerima teknologi baru dan mengguna pakai ICT dalam fungsi perkilangan teras mereka;
- Bersikap proaktif semasa melaksanakan sistem produktiviti dan pengurusan kualiti; dan
- Mengembangkan lebih ramai pekerja berkemahiran untuk menangani perubahan teknologi dan permintaan pasaran yang makin meningkat.